

Berikutan keputusan Mahkamah Tinggi **Kerajaan tidak terjejas: PM**

BH - 6 FEB 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mendapati Umno sebagai pertubuhan tidak sah tidak menjejaskan kedudukan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

"Kerajaan hari ini masih wujud. Yang tidak wujud cuma Umno saja," kata Perdana Menteri, sambil menasihatkan rakyat dan penyokong parti itu supaya bertenang.

"Perkara itu (soal kedudukan Umno) akan diselesaikan, tetapi yang penting sekarang ialah kerajaan masih wujud," katanya di sidang akhbar di pejabatnya di Kompleks Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Semalam, Mahkamah Tinggi sewaktu menolak permohonan 11 anggota Umno untuk mendapatkan perisytiharan bahawa perhimpunan agung parti itu pada 24 April tahun lalu tidak sah, mendapati Umno pada masa itu sebagai pertubuhan tidak sah.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang kelihatan tenang dan kerap ketawa serta berseloroh menjawab pertanyaan wartawan, menegaskan kerajaan hari ini masih wujud kera-

Oleh AHMAT WAHAB

na ia dibentuk berasaskan hakikat bahawa ahli-ahlinya bertanding sebagai individu dalam pilihanraya umum lalu walaupun menggunakan simbol parti.

"Mengikut Perlembagaan Negara, pihak yang mendapat sokongan dan kepercayaan majoriti dalam Parlimen boleh ditonjolkan sebagai calon dan diterima sebagai Perdana Menteri.

"Perdana Menteri dan kerajaan boleh digugurkan jika ada undi tidak percaya atau jika tidak mendapat sokongan ahli-ahli Parlimen, tetapi kita tahu keadaan ini tidak wujud sekarang," katanya.

● LIHAT juga di muka 2 dan 3

Datuk Seri Dr Mahathir berkata oleh itu kedudukan Perdana Menteri dan menteri-menteri tidak terjejas dan mereka berfungsi seperti biasa. "Ini bermakna kerajaan sekarang berjalan seperti biasa dan (keputusan Mahkamah Tinggi) tidak memberi apa-apa kesan terhadap kerajaan."

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak nampak wujudnya sebarang ketegangan politik disebabkan 'Umno tidak lagi wujud' kerana 'kerajaan yang mendapat sokongan majoriti masih wujud, begitu juga kerajaan di negeri-negeri'.

"Krisis juga tidak wujud. Yang dihadapi

sekarang cuma satu masalah teknikal yang boleh diselesaikan," tegasnya.

Beliau juga meminta wartawan asing supaya jangan mengungkit-ungkitkan soal kestabilan politik dengan mengaitkannya dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu.

"Kerajaan tahu banyak orang mahu menghancurkan ekonomi negara ini dengan menulis bermacam-macam. Ini juga berlaku pada bulan November tahun lalu (berikutan pergolakan politik). Tetapi ini sebenarnya karut semata-mata," tegasnya.

Ditanya mengenai implikasi keputusan Mahkamah Tinggi itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata semua mesyuarat cawangan yang diadakan sebagai persiapan menghadapi perhimpunan agung parti akan datang adalah tidak sah. Ini kerana cawangan-cawangan dan bahagian tidak lagi wujud. Begitu juga, yuran tidak boleh dikutip.

Beliau bagaimanapun tidak tahu dengan kedudukan harta-harta Umno. "Mungkin bank akan mengambilnya kerana saya tidak mempunyai tanggungjawab atau kewajipan kepada parti lagi," katanya berseloroh.

Menurutnya keputusan-keputusan yang dibuat oleh presiden parti itu dan majlis tertingginya juga tidak sah. "Tetapi keputusan yang dibuat sebagai Perdana Menteri dan menteri adalah sah," tegasnya.

Beliau menjelaskan bahawa kedudukan Barisan Nasional (BN) juga tidak terjejas. Menurutnya BN bukan sebuah parti politik. Ia cuma satu gabungan pelbagai parti politik dan ia masih wujud. "Dulu ada parti meninggalkan BN, tetapi BN tidak terjejas dan ia terus wujud," tegasnya.